- (b) Kematangan Universiti Putra Malaysia dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 semenjak tahun 2000 membantu memantapkan pengurusan alam sekitar. Taman Pertanian Universiti juga telah berjaya menginstitusikan amalan pertanian yang baik dengan merujuk kepada Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM). Dengan bantuan struktur sistem pengurusan kualiti yang mantap oleh Bahagian Jaminan Kualiti Universiti Putra Malaysia, Pejabat Pendaftar, juruaudit yang kompeten, penyelidik yang pakar dalam hal ehwal pencemaran alam sekitar dan kesedaran warga Universiti Putra Malaysia mengenai pentingnya sistem pengurusan kualiti, kematangan ini telah membuahkan banyak kejayaan dalam mendapat pensijilan ISO.
- (c) Komitmen pihak atasan juga adalah sangat baik. Jawatankuasa pengurusan Universiti Putra Malaysia telah meluluskan peruntukan kewangan untuk mengadakan program ke arah pengurusan alam sekitar ini. Kempen kampus hijau dilancarkan dengan memperkenalkan kempen penggunaan basikal, dan penggunaan sifar beg plastik polisterin di dalam kampus menunjukkan komitmen tersebut. Universiti Putra Malaysia juga telah menyediakan prasarana yang terbaik seperti laluan basikal di dalam kampus dan juga tempat letak basikal yang selamat di kolej kediaman dan fakulti.


- (d) Universiti Putra Malaysia mempunyai sumber yang baik, tanah yang luas, kampus yang hijau dan mempunyai ramai penyelidik yang pakar dalam bidang pencemaran Udara dan Air. Kepakaran mereka akan digunakan untuk mengurus alam sekitar dengan baik dan menjadi *show case* kepada pihak luar bagaimana Universiti Putra Malaysia menggunakan penyelidikan untuk mengurangkan pencemaran. Penyelidik Universiti Putra Malaysia menjadi perunding bagi pencemaran air di Tasik Putrajaya, pencemaran kepada Indeks Kualiti Udara Negara. Bagi menjimatkan kertas, Universiti Putra Malaysia boleh menggunakan kertas daripada Pokok Kenaf sebagai ganti kertas yang diambil dari sumber hutan. Universiti Putra Malaysia merupakan peneraju utama penyelidikan kenaf di dunia.
- (e) Universiti Putra Malaysia mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan sistem pengurusan kualitinya termasuk MS ISO 14001:2004. Perancangan ini dilaksanakan dengan sistematik dengan menggunakan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators* (KPI) dan dipantau secara berkala.

KELEMAHAN/CADANGAN

- (a) Dokumen pengurusan alam sekitar ISO 14001:2004 perlu diasingkan dengan dokumen Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 bagi mengelakkan kekeliruan. Kesedaran daripada warga Universiti Putra Malaysia mengenai sistem pengurusan alam sekitar hendaklah dipertingkatkan lagi.
- (b) Peneraju proses perlu memastikan penyelarasan di peringkat pegawai utiliti, pemantauan oleh Jawatankuasa ISO yang dipengerusikan Timbalan Wakil Pengurusan Pusat Tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- (c) Tindakan Pembetulan dan Pencegahan perlu dilaksanakan dengan segera dan berkesan. Jika staf gagal mematuhi, tindakan amaran, tatatertib dan surcaj hendaklah dilaksanakan. Tindakan tegas ini perlu diambil terhadap pegawai yang didapati cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya tanpa sebab-sebab munasabah sehingga menyebabkan berlakunya pencemaran.
- (d) Universiti Putra Malaysia perlu menambah peruntukkan kewangan bagi menyelenggara infrastruktur terutama yang melibatkan makmal dan pembuangan sisa kimia dan racun dalam sinki dan seterusnya dialirkan keluar ke sistem perparitan dalam kampus. Satu loji rawatan air kumbahan yang moden diperlukan untuk merawat sisa air kumbahan setempat bagi penyingkiran logam berat dalam tasik di sekitar kampus.
- (e) Universiti Putra Malaysia juga perlu memastikan satu aplikasi sistem inventori kimia dan racun dapat dibangunkan supaya pengurusan stor dan pengurusan sisa kimia dan racun dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

9. BILANGAN KETAKAKURAN DAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN

- (1) Jumlah Ketakakuran – lapan (8) klausa dengan 81 bukti objektif
- (2) Jumlah Peluang Penambahbaikan – 11 klausa dengan 64 cadangan.




Carta 1: Penemuan Ketakakuran dan Peluang Penambahbaikan

- (3) Lapan klausa ketakakuran mengikut klausa adalah:

KLAUSA	KETERANGAN	JUMLAH	PERATUS
4.3.3	Objektif, Sasaran dan Program	1	1.2
4.4.2	Kompeten, Latihan dan Kesedaran	7	8.6
4.4.3	Komunikasi	1	1.2
4.4.4	Dokumentasi	3	3.7
4.4.5	Kawalan Dokumen	2	2.5
4.4.6	Kawalan Operasi	61	75.3
4.5.1	Pemantauan dan Pengukuran	5	6.2
4.5.4	Kawalan Rekod	1	1.2
JUMLAH KESELURUHAN		81	100

Jadual 1: Ketakakuran mengikut klausa




Carta 2: Penemuan Ketakakuran Mengikut Klausa

(4) Ketakakuran mengikut proses:

PROSES	KETERANGAN	JUMLAH	PERATUS
BUR	Bursar	7	8.6
LAT	Latihan	4	4.9
OSH	Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	42	51.9
PGR	Pengurusan	9	11.1
PPPA	Pembangunan dan Pengurusan Aset	18	22.2
PPUU	Undang-Undang	1	1.2
JUMLAH KESELURUHAN		81	100

Jadual 2: Penemuan Ketakakuran Mengikut Proses




Carta 3: Penemuan Ketakakuran Mengikut Proses

(5) Ketakakuran mengikut Pusat Tanggungjawab dan Induk (Peneraju):

PTJ	JUMLAH	PERATUS
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi	2	2.5
Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul	6	7.4
Fakulti Ekologi Manusia	3	3.7
Fakulti Perhutanan	3	3.7
Fakulti Kejuruteraan	13	16.0
Fakulti Pertanian	10	12.3
Fakulti Pengajian Alam Sekitar	4	4.9
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	4	4.9
Fakulti Perubatan Veterinar	4	4.9
Fakulti Rekabentuk dan Senibina	2	2.5
Fakulti Sains	10	12.3
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	3	3.7
Universiti Putra Malaysia (Kampus Bintulu)	5	6.2
Fakulti Sains dan Teknologi Makanan	4	4.9
Induk (Peneraju)	5	6.2
Taman Pertanian Universiti	3	3.7
JUMLAH KESELURUHAN	81	100

Jadual 3: Penemuan Ketakakuran Mengikut Pusat Tanggungjawab dan Induk (Peneraju)




Carta 4: Penemuan Ketakakuran Mengikut Pusat Tanggungjawab dan Induk (Peneraju)

(6) 11 peluang penambahbaikan mengikut klausa adalah:

KLAUSA	KETERANGAN	JUMLAH	PERATUS
4.3.3	Objektif, Sasaran dan Program	3	4.7
4.4.1	Sumber, Peranan, Tanggungjawab dan Kuasa	2	3.1
4.4.2	Kompeten, Latihan dan Kesedaran	10	15.6
4.4.3	Komunikasi	4	6.3
4.4.4	Dokumentasi	1	1.6
4.4.5	Kawalan Dokumen	8	12.5
4.4.6	Kawalan Operasi	22	34.4
4.4.7	Kesediaan Kecemasan dan Tindak Balas	3	4.7
4.5.1	Pemantauan dan Pengukuran	7	10.9
4.5.2	Penilaian Kepatuhan	1	1.6
4.5.4	Kawalan Rekod	3	4.7
JUMLAH KESELURUHAN		64	100

Jadual 4: Penemuan Peluang Penambahbaikan Mengikut Klausa




Carta 5: Penemuan Peluang Penambahbaikan Mengikut Klausula

(7) Peluang penambahbaikan mengikut proses:

PROSES	KETERANGAN	JUMLAH	PERATUS
BUR	Bursar	1	1.6
LAT	Latihan	6	9.4
OSH	Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	23	35.9
PGR	Pengurusan	22	34.4
PPPA	Pembangunan dan Pengurusan Aset	12	18.8
JUMLAH KESELURUHAN		64	100

Jadual 5: Penemuan Peluang Penambahbaikan Mengikut Proses




Carta 6: Penemuan Peluang Penambahbaikan Mengikut Proses

(8) Peluang penambahbaikan mengikut Pusat Tanggungjawab dan Induk (Peneraju):

PTJ	JUMLAH	PERATUS
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi	2	3.1
Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul	1	1.6
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	3	4.7
Fakulti Perhutanan	2	3.1
Fakulti Kejuruteraan	4	6.3
Fakulti Pertanian	6	9.4
Fakulti Pertanian Alam Sekitar	1	1.6
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	5	7.8
Fakulti Perubatan Veterinar	4	6.3
Fakulti Perubatan Veterinar, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Fakulti Pertanian	2	3.1
Fakulti Rekabentuk dan Senibina	2	3.1
Fakulti Sains	1	1.6
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	1	1.6
Universiti Putra Malaysia (Kampus Bintulu)	4	6.3
Fakulti Sains dan Teknologi Makanan	4	6.3
Induk (Peneraju)	14	21.9
Pusat Asasi Sains Pertanian	1	1.6
Pusat Asasi Sains Pertanian, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Fakulti Sains, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Fakulti Perhutanan	2	3.1
Taman Pertanian Universiti	5	7.8
Jumlah Keseluruhan	64	100

Jadual 6: Penemuan Peluang Penambahbaikan Mengikut Pusat Tanggungjawab dan Induk (Peneraju)



Carta 7: Penemuan Peluang Penambahbaikan Mengikut Pusat Tanggungjawab dan Induk (Peneraju)

9. TARIKH TUTUP NCR

Dalam tempoh 21 hari bekerja atau yang telah dipersetujui Juruaudit EMS.

10. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, walaupun baru dikuatkuasakan pada 15 Julai 2013 mengambilkira cuti semester dan cuti hari raya tugas pelaksanaan dan pemantauan Sistem Pengurusan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia telah dijalankan dengan baik, namun dari segi pemahaman mengenai keperluan manual, prosedur-prosedur dan garis-garis panduan perlu dipertingkatkan terutama pemantauan sisa kimia dan racun, penjimatan elektrik dan penjimatan kertas.

Pengauditan Sistem Pengurusan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia terhadap semua Pusat Tanggungjawab termasuk Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu mendapati Universiti Putra Malaysia mempunyai perancangan yang baik untuk melaksanakan aktivitinya. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya masih ada

beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan Sistem Pengurusan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia dilaksanakan dengan cekap, ekonomi, berkesan dan mencapai objektif yang ditetapkan. Beberapa PTJ telah mengambil tindakan pembetulan selepas teguran audit secara lisan namun langkah pembetulan perlu dilaksanakan secara berterusan dan antara penambahbaikan yang disyorkan adalah seperti berikut:

- (1) Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia perlu mewujudkan sistem *check and balance* untuk memastikan pemeriksaan secara menyeluruh dan menjalankan penilaian sama ada aktiviti lain mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan dan penambahbaikan.
- (2) Mewujudkan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan bagi memastikan keadaan makmal sentiasa berada dalam keadaan baik dan teratur supaya tidak menjejaskan alam sekitar.
- (3) Memastikan satu sistem yang berkesan untuk memastikan sisa toksik tidak dibuang dan dialirkan ke dalam longkang, parit, terusan.
- (4) Kejayaan pengurusan alam sekitar ini tidak akan tercapai selagi kesedaran dari warga Universiti Putra Malaysia terhadap aspek alam sekitar tidak meningkat dan pihak pengurusan atasan perlu berusaha untuk memberi pendidikan serta latihan berkaitan pekerjaan mereka di dalam memberi impak kepada alam sekitar.

Disediakan oleh

Zuraidah Ahmad

Ketua Juruaudit Audit Dalaman EMS

AGENDA 3.0 :
Prestasi Pencapaian Alam Sekitar

(Pelaksanaan keseluruhan termasuk keperluan sumber kewangan, latihan, sumber manusia, dan infrastruktur)

Bil	ISU PELAKSANAAN	CADANGAN TINDAKAN PELAKSANAAN	TANGGUNG-JAWAB	KEPERLUAN SUMBER (Nyatakan)			JUSTIFIKASI KEPERLUAN
				Manusia (Jawatan/bilangan)	Kewangan (RM)	Infrastruktur	
1.	Pejabat Pengurusan dan Keselamatan Pekerja bertanggungjawab dalam perkara-perkara berkaitan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Universiti juga dipertanggungjawabkan sebagai peneraju dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar	<p>Menukar nama Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP/ OSH) kepada Pejabat Pengurusan Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (PPKKP /HSE) selaras dengan pelaksanaan EMS di UPM</p> <p>Cadangan Struktur organisasi PPKKP/HSE-UPM adalah sepertimana di LAMPIRAN 2(a)</p>	Pendaftar/ Pengarah PPKKP	<p>1 orang pegawai sains (C41) – latar belakang alam sekitar/ kejuruteraan kimia & alam sekitar</p> <p>3 orang Penolong Pegawai Sains (C27) (1 latar belakang alam sekitar, 1 latar belakang kejuruteraan kimia dan alam sekitar, 1 latar belakang statistik)</p>	(RM103,200 .00 setahun + RM15,000.00) Emolumen + (pembelian perabot dan peralatan pejabat bagi pegawai)	Keperluan penambahan Ruang Staf kerana ruang dan infrastruktur sedia ada adalah bagi perancangan RMK10 dengan struktur organisasi sepertimana di LAMPIRAN 2(b)	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi memastikan UPM mematuhi perundangan berkaitan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 • Membantu UPM dalam melaksanakan keperluan di bawah kehendak EMS


Bil	ISU PELAKSANAAN	CADANGAN TINDAKAN PELAKSANAAN	TANGGUNG-JAWAB	KEPERLUAN SUMBER (Nyatakan)			JUSTIFIKASI KEPERLUAN
				Manusia (Jawatan/bilangan)	Kewangan (RM)	Infrastruktur	
2.	Menjalankan fungsi bagi pematuhan kepada Prosedur Pengukuran dan Pemantauan Alam Sekitar (UPM/ISO-EMS/P009)	<p>A. Membeli peralatan bagi mengambil sampel alam sekitar di lokasi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sampel air/ <i>water</i> (kolam/sungai/parit) • Sampel udara/ <i>air emission</i> (Serombong/ Boiler/Jerebu dll) • Sampel asap kenderaan bermotor (bas) <p>Menggunakan perkhidmatan <i>out source</i> – OTHER OPTIONS (Syarikat/ Makmal yang diiktiraf)</p>	TWP EMS / Pengarah PPKKP	-	(akan ditentukan kemudian)	Keperluan ruang makmal dan perkakasan makmal umum (penyimpanan peralatan dan sampel)	keperluan di bawah kehendak EMS
		<p>B. Penghantaran sampel alam sekitar bagi tujuan analisis dan laporan dari Makmal yang diiktiraf</p>	TWP EMS / Pengarah PPKKP	-	(akan ditentukan kemudian)	-	keperluan di bawah kehendak EMS
		<p>C. Menyediakan latihan kompetensi kepada staf yang dipertanggungjawabkan dalam prosedur ini-</p> <ul style="list-style-type: none"> • CePSWaM – Course on Certified Environmental 	TWP EMS / Pengarah PPKKP	-	(akan ditentukan kemudian)	-	

Bil	ISU PELAKSANAAN	CADANGAN TINDAKAN PELAKSANAAN	TANGGUNG-JAWAB	KEPERLUAN SUMBER (Nyatakan)			JUSTIFIKASI KEPERLUAN
				Manusia (Jawatan/bilangan)	Kewangan (RM)	Infrastruktur	
		D. Mengadakan atau membangunkan makmal alam sekitar ber'akreditasi' ISO17025:2005	TWP EMS / Pengarah PPKKP	-	(akan ditentukan kemudian)	Keperluan ruang makmal, perkakasan makmal dll	Memantapkan pelaksanaan EMS di UPM dengan menggunakan peralatan dan kepakaran dalaman
3.	Menjalankan fungsi bagi pematuhan perundangan berkaitan pengurusan sisa terjadual (Schedule waste)	Menghantar staf PPKKP ke kursus di bawah <i>Environment Institute of Malaysia (EiMAS), Department of Environment, Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia - Course on Certified Environmental Professional In Scheduled Waste Management</i>	TWP EMS / Pengarah PPKKP	-	RM6600.00 (RM3.3K x 2 orang)		Mematuhi perundangan berkaitan dibawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974
4.	Menjalankan fungsi bagi memantapkan pengurusan bahan berbahaya (bahan kimia, bahan beracun/pestisides/ bahan radioaktif)	Mengadakan atau membangunkan sistem atas talian bagi memudahkan kawalan stok dan inventori serta memudahkan pendaftaran bahan berbahaya termasuk pemantauan lokasi yang mempunyai bahan berbahaya di UPM Atau Mengguna pakai dan menambah baik sistem atas talian yang telah dibangunkan oleh Fakulti Kejuruteraan UPM	TWP EMS / Pengarah PPKKP	Pasukan pembangunan sistem maklumat (ICT) IDEC	(akan ditentukan kemudian)	Server	Memantapkan pelaksanaan EMS di UPM dengan menggunakan kepakaran dalaman

Bil	ISU PELAKSANAAN	CADANGAN TINDAKAN PELAKSANAAN	TANGGUNG-JAWAB	KEPERLUAN SUMBER (Nyatakan)			JUSTIFIKASI KEPERLUAN
				Manusia (Jawatan/bilangan)	Kewangan (RM)	Infrastruktur	
5.	Latihan berkaitan EMS (Umum)	<p>Mengadakan kursus pemahaman tentang Sistem Pengurusan Alam Sekitar kepada staf teknikal di PPKKP atau pihak berkaitan di UPM–</p> <ul style="list-style-type: none"> • pelaksanaan EMS di organisasi • pemahaman standard MS ISO14001 • pelaksanaan lawatan kerja bagi <i>benchmarking</i> di organisasi yang telah mendapat persijilan MS ISO14001 	Pendaftar	-	(akan ditentukan kemudian)	-	Memantapkan pelaksanaan EMS di UPM
6.	Latihan kompetensi di bawah Environment Institute of Malaysia (EiMAS), Department of Environment	<p>Mengenalpasti dan menghantar staf UPM bagi mengikuti kursus-kursus di bawah EiMAS (jika berkaitan):</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Competency Course for Green Industry Auditor</i> • CePIETSO (BP) – <i>Course for Certified Environmental Professional in the Operation of Industrial Effluent Treatment Systems</i> (BP) 	Pendaftar/TWP EMS / Pengarah PPKKP	-	(akan ditentukan kemudian)	-	Memantapkan pelaksanaan EMS di UPM

Bil	ISU PELAKSANAAN	CADANGAN TINDAKAN PELAKSANAAN	TANGGUNG-JAWAB	KEPERLUAN SUMBER (Nyatakan)			JUSTIFIKASI KEPERLUAN
				Manusia (Jawatan/bilangan)	Kewangan (RM)	Infrastruktur	
		<ul style="list-style-type: none"> • CePIETSO (PCP) – <i>Course for Certified Environmental Professional in the Operation of Industrial Effluent Treatment Systems (PCP)</i> • CePSO – <i>Course on Certified Environmental Professional In Scrubber Operation</i> • CePFBO – <i>Course on Certified Environmental Professional In Bag Filter Operation</i> • CePPOME – <i>Course for Certified Environmental Professional in the Treatment of Palm Oil Mill Effluent (Pond Processes)</i> 					

CADANGAN STRUKTUR ORGANISASI PEJABAT PENGURUSAN KESEHATAN, KESELAMATAN DAN PERSEKITARAN (PPKKP/HSE)



KETERANGAN FUNGSI ORGANISASI PEJABAT PENGURUSAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN PERSEKITARAN (PPKKP/HSE)

Fungsi Utama HSE

1. Memastikan pematuhan perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta alam sekitar;
2. Menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta persekitaran di tempat kerja/PTJ;
3. Menjalankan penyiasatan kemalangan dan kajian kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan, penyakit pekerjaan dan pencemaran alam sekitar;
4. Merancang, menyediakan dan melaksanakan program latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta persekitaran yang bersesuaian; dan
5. Bertanggungjawab dalam perkara-perkara berkaitan pengurusan keselamatan kesihatan dan persekitaran di Universiti dan mengeluarkan arahan-arahan mengenainya

Pindaan dari Fungsi utama PPKKP-OSH

Fungsi Bahagian Operasi dan Perkhidmatan

1. Menguruskan pelaksanaan pemeriksaan tempat kerja dan penguatkuasaan berkaitan HSE
2. Melaksanakan siasatan aduan, kemalangan, kejadian berbahaya, penyakit pekerjaan, keracunan pekerjaan dan pencemaran alam sekitar
3. Menguruskan keperluan pematuhan standard MS ISO9001:2008, MS ISO14001, OHSAS18000/ MS1722 dan ISO IEC 17025:2005(jika ada)
4. Menguruskan promosi melalui kempen, ceramah, CSR; melaksanakan latihan berkaitan HSE dan menguruskan khidmat nasihat teknikal

Fungsi Seksyen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH)

- Menguruskan pelaksanaan mesyuarat JKPP-UPM
- Menguruskan pemeriksaan di bawah keperluan perundangan seperti AKKP, Akta Kilang & Jentera, Akta Perkhidmatan BOMBA, dan Akta Pelesenan Tenaga Atom – pemantauan PMD/ PMA/ PMT
- Mengurus dan membuat kawalan kepada proses bahan berbahaya (*chemical, pesticide, poison, radiation*) termasuk melaksanakan penaksiran berkaitan (*CHRA/HIRARC*)

- menguruskan program pengawasan kesihatan termasuk *pre-placement*, *medical surveillance* dan pemeriksaan kesihatan lanjutan yang diperuntukkan oleh mana-mana perundangan- melaksanakan pemeriksaan berkaitan kesihatan umum dan persekitaran
- Melaksanakan pemantauan *Indoor Air Quality* (IAQ) dan kes-kes ergonomik di semua work unit
- Melaksanakan pemantauan teknikal kepada semua *LEV* di work unit yang terlibat
- Menguruskan program *OSH* di tapak bina dan memantau program keselamatan kontraktor UPM

Fungsi Seksyen Persekitaran (ENV)


- Menguruskan pelupusan sisa terjadual dan semua *hazardous waste* termasuk pemantauan kepada alam sekitar yang terhasil dari semua *hazardous waste*
- Melaksanakan pemantauan *water/marine (sampling, analysis, & monitoring)* di semua kolam UPM/dll
- Melaksanakan pemantauan udara(*air*)- (*sampling, analysis, & monitoring*) di semua lokasi yang dikenal pasti di dalam kawasan UPM/dll

Fungsi Seksyen Tindakan Kecemasan

- Menguruskan program Pelan Pengurusan Bencana
- Melaksanakan pemeriksaan berkaitan sistem pencegahan kebakaran semua work unit
- Memberi bantuan awal kepada semua jenis kemalangan, kejadian berbahaya, penyakit pekerjaan, keracunan pekerjaan dan pencemaran alam sekitar


CARTA ORGANISASI PEJABAT PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, UPM

CARTA ORGANISASI PPKKP (2010-2019)



TARIKH KEMAS KINI 2 NOVEMBER 2011

CARTA SEDIA ADA



TARIKH KEMASKINI 1 JANUARI 2013

Laporan Semakan Pencapaian Objektif dan Sasaran Alam Sekitar

Bil	Objektif	Peneraju	Base line	Sasaran	Pencapaian	Tindakan Pembetulan/ Tindakan Pencegahan/Catatan
1.	Penjimatan penggunaan kertas	Pejabat Bursar	100%	2%	Belum tempoh analisis	Pencapaian tidak dapat diukur memandangkan tempoh pusingan tidak lengkap (setahun)
2.	Penjimatan tenaga elektrik	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset	100%	10%	Belum tempoh analisis	Bil bulan semasa perlu dibuat perbandingan dengan tahun sebelumnya. Ini disebabkan kerana bacaan meter setiap fakulti baru sahaja bermula pada tahun 2013. Penjimatan ini dapat dilihat pada tahun 2014
3.	Memantau pelepasan asap bas bahan bakar diesel	Bahagian Hal Ehwal Pelajar	100%	100%	100%	Laporan analisis pada Lampiran 3(a)
4.	Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> 100% inventori bahan kimia dikawal selia 	100%	Belum dianalisis	Isu: Proses pengenalan makmal pengajaran/ pembelajaran yang melibatkan bahan kimia belum dilaksanakan – disebabkan kekangan sumber manusia/ masa di PPKKP

LAMPIRAN 3
LAPORAN SEMAKAN PENCAPAIAN OBJEKTIF DAN SASARAN
 (BAGI TEMPOH 15 JULAI HINGGA 15 SEPTEMBER 2013)

Bil	Objektif	Peneraju	Base line	Sasaran	Pencapaian	Tindakan Pembetulan/ Tindakan Pencegahan/Catatan
						<p>Tindakan: Penstrukturan semula seksyen Operasi dan Perkhidmatan dengan pertambahan staf yang mana melibatkan skop EMS dan pengurusan makmal/bengkel</p>
			<ul style="list-style-type: none"> 100% bahan kimia disimpan mengikut peraturan 	100%	Belum dianalisis	<p>Isu: Pemantauan makmal adalah secara manual (dengan pengisian borang SS01 dan SS02) –hanya 50% makmal yang menghantar atau melaksanakan pemeriksaan sendiri di bawah Prosedur Pengurusan dan Keselamatan Makmal (UPM/SOK/LAB/P001)</p> <p>Tindakan: Pembangunan semula Sistem Atas Talian CCS (<i>Centralise Chemicals System</i>)</p> <p>PPKKP melaksanakan pemantauan secara terus kepada makmal yang</p>

LAMPIRAN 3
LAPORAN SEMAKAN PENCAPAIAN OBJEKTIF DAN SASARAN
 (BAGI TEMPOH 15 JULAI HINGGA 15 SEPTEMBER 2013)

Bil	Objektif	Peneraju	Base line	Sasaran	Pencapaian	Tindakan Pembetulan/ Tindakan Pencegahan/ Catatan
						dikenalpasti di bawah EMS (boleh dilaksanakan jika staf PPKKP mencukupi – 3 orang Penolong Pegawai Sains)
5.	Pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	Denda sifar	100%	100%	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada sebarang notis/surat berkaitan dari Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) diterima • Tiada sebarang pemeriksaan/audit dilakukan oleh AELB/ Agensi Nuklear Malaysia setakat ini
6.	Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • 100% inventori bahan beracun dikawal selia 	100%	Belum dianalisis	<p>Isu: Proses pengenalpastian work unit yang melibatkan bahan beracun (<i>pesticide</i>) sedang dilaksanakan</p> <p>Tindakan: Membangunkan kaedah pemantauan <i>work</i> unit yang terlibat dengan <i>pesticide</i> termasuk penstrukturan semula seksyen Operasi dan Perkhidmatan PPKKP dengan penambahan staf yang mana melibatkan skop EMS</p>
			<ul style="list-style-type: none"> • 100% bahan beracun disimpan mengikut peraturan 	100%	Belum dianalisis	

LAMPIRAN 3
LAPORAN SEMAKAN PENCAPAIAN OBJEKTIF DAN SASARAN
 (BAGI TEMPOH 15 JULAI HINGGA 15 SEPTEMBER 2013)

Bil	Objektif	Peneraju	Base line	Sasaran	Pencapaian	Tindakan Pembetulan/ Tindakan Pencegahan/Catatan
7.	Pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	100% melaksanakan proses pelupusan sisa buangan terjadual tidak melebihi 180hari/20 tan metrik penyimpanan sisa	100%	100%	Pelaksanaan proses pelupusan di semua Pusat Pengumpulan Sisa Terjadual (PPST) setiap 3 bulan sekali

**LAPORAN ANALISIS PEMATUHAN PEMANTAUAN PELEPASAN ASAP BAS BAGI BAHAN
BAKAR DIESEL PEMERIKSAAN PUSPAKOM 2013**

Objektif : Memantau Pelepasan Asap Bas Bahan Bakar Diesel
Sasaran : 100%
Pencapaian : 100%
Tempoh Masa : 15 Julai 2013 hingga 15 September 2013

Pelaksanaan pemantauan pemeriksaan PUSPAKOM bagi bas bahan bakar diesel di bawah tanggungjawab Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah mengikut Prosedur Pemantauan Pelepasan Asap Bas Bahan Bakar Diesel yang telah di tetapkan. Berikut adalah senarai kenderaan yang telah menjalani pemeriksaan PUSPAKOM.

JENIS	BIL	NO. PENDAFTARAN	BAHAN API	JULAI			OGOS			SEPETMBER			Bacaan Kadar Peratus Pelepasan Asap (Hartridge Smoke Unit)	CATATAN
				TRS	TPP	TDP	TRS	TPP	TDP	TRS	TPP	TDP		
Bas Besar	1	BFH 8719	DIESEL	25	30	30							26%	
Bas Besar	2	BGG 9634	DIESEL				01	06	07				09%	
Bas Besar	3	BGQ 4129	DIESEL				26	29	09/09				11%	PEMERIKSAAN AWAL
Bas Besar	4	BGQ 4150	DIESEL				26	29	12/09				21%	PEMERIKSAAN AWAL
Bas Besar	5	BFT 6152	DIESEL							06	14	16	06%	
Bas Besar	6	BGG 9705	DIESEL							06	14	16	30%	

NOTA: TRS - Tarikh Rancang Selenggara
 TPP - Tarikh Pemeriksaan di PUSPAKOM
 TDP - tarikh Dijadualkan Pemeriksaan di PUSPAKOM

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak 6 buah bas telah melakukan pemeriksaan asap di PUSPAKOM seperti yang telah ditetapkan oleh pihak PUSPAKOM. Daripada jadual di atas juga, kesemua bas tersebut telah lulus pemeriksaan asap dan mencapai peratusan yang di benarkan iaitu di bawah 50% kadar peratus pelepasan asap (*Hartridge Smoke Unit*). Oleh itu Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mencapai 100% kelulusan pemeriksaan asap oleh PUSPAKOM bagi kenderaan bas bahan bakar diesel.

Selain itu, kesemua kenderaan tersebut juga telah lulus Pemeriksaan PUSPAKOM secara berkala dari segi keselamatan penggunaannya bagi tempoh 6 bulan dan perlu menjalani pemeriksaan semula selepas 6 bulan mengikut tarikh yang di tetapkan.

Status Tindakan Pencegahan

Bil	Proses Perkhidmatan yang Dijangka Berlaku Ketidapatuhan/ Kecacatan	Punca Penyebab Kemungkinan Berlaku ketidapatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pencegahan	Tanggung jawab	Tarikh Akhir Tindakan	Keberkesanan Tindakan	
						Ya (√)	Tidak (x)
1.	Dikuatiri ramai staf kurang memahami operasi pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar semasa proses audit oleh Badan Pensijilan	Penyampaian maklumat tidak menyeluruh kepada semua staf	Mengadakan kempen-kempen kesedaran pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar	Peneraju Proses	30 Oktober 2013	-	-
2.	Mengelak staf daripada lupa menutup lampu / alatan elektrik lain selepas digunakan atau pada masa yang ditetapkan bagi tujuan penjimatan elektrik	Penggunaan tenaga elektrik masih belum ada penjimatan	Menyediakan pelekat (sticker) yang mengandungi kempen penjimatan pada suis-suis lampu	PPPA	30 Oktober 2013	-	-
3.	Dijangkakan proses pemantauan dan pengukuran alam sekitar tidak dapat dipatuhi	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak dapat mengenalpasti sampel yang perlu diukur – PPKKP tiada kompetensi • Tidak dapat mengenalpasti lokasi sampel yang perlu dilihat – PPKKP tiada maklumat dan kepakaran tentang penentuan lokasi pengambilan sampel 	Menyediakan sumber manusia yang kompeten dalam aspek teknikal bagi pemantauan dan pengukuran alam sekitar	Pendaftar / Pengarah PPKKP	2014	-	-

Bil	Proses Perkhidmatan yang Dijangka Berlaku Ketidapatuhan/ Kecacatan	Punca Penyebab Kemungkinan Berlaku ketidapatuhan/ Kecacatan	Tindakan Pencegahan	Tanggung jawab	Tarikh Akhir Tindakan	Keberkesanan Tindakan	
						Ya (√)	Tidak (x)
4.	Dijangka penggunaan kertas masih belum ada penjimatan	<ul style="list-style-type: none"> PTJ tidak membuat perancangan pembelian kertas pada awal tahun mengikut aktiviti yang telah ditetapkan 	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan taklimat/memberi khidmat konsultasi mengenai perancangan pembelian selaras dengan penjimatan kertas 	Bursar	Disember 2013	-	-
		<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan hebahan/dokumentasi secara elektronik belum dilaksanakan secara meluas 	<ul style="list-style-type: none"> Mengadakan kempen kesedaran pelaksanaan dengan menggunakan nota kaki (<i>footnote</i>) penjimatan penggunaan kertas di setiap emel dan surat rasmi yang di keluarkan 	Bursar	30 Oktober 2013	-	-

Status Tindakan Pembetulan

Bil	Proses Perkhidmatan yang Tidak Patuh/Cacat	Punca Penyebab Berlaku ketakakuran/ Kecacatan	Tindakan Pembetulan	Tanggung jawab	Tarikh Akhir Tindakan	Keberkesanan Tindakan	
						Ya (✓)	Tidak (x)
1.	Objektif dan sasaran proses operasi bagi pengendalian bahan kimia/sisa terjadual/bahan radioaktif/bahan beracun alam sekitar tidak dapat diukur	(a) Tidak menetapkan kaedah pengukuran yang berkesan dan bergantung kepada pegawai yang bertanggungjawab (PYB) makmal untuk mengisi borang SS02 (pemeriksaan sendiri) yang dihantar kepada Pejabat Pengurusan Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan (PPKKP)	Mengubah objektif dan sasaran alam sekitar yang lebih sesuai sebagai contoh <ul style="list-style-type: none"> • memastikan status kualiti air berdasarkan 'index range' parameter <i>Biochemical oxygen demand (BOD)</i>, <i>Ammoniacal nitrogen (AN)</i>, dan <i>Suspended solid (SS)</i> di semua kolam UPM di paras yang dibenarkan 	Pengarah PPKKP	2014	-	-
		(b) Tidak mengenalpasti <i>work</i> unit yang terlibat dengan bahan kimia/ bahan beracun dan bahan radioaktif serta tidak dapat membuat pemantauan secara terus di makmal berkaitan disebabkan kekangan sumber manusia di PPKKP	Menyediakan sumber manusia yang kompeten dalam aspek teknikal bagi pemantauan dan pengukuran alam sekitar	Pendaftar / Pengarah PPKKP	2014	-	-



PEJABAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ASET UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

PEMAKLUMAN BERKAITAN KEPERLUAN MEMPEROLEHI PERALATAN DALAM MEMBANTU PENJIMATAN ELEKTRIK.

1.0 TUJUAN

Kertas ini dikemukakan kepada Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) sebagai **Pemakluman Berkaitan Keperluan Memperolehi Peralatan Dalam Membantu Penjimatan Elektrik.**

2.0 LATAR BELAKANG

Penjimatan elektrik adalah salah satu skop penting dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar dimana pengurangan dalam penggunaan tenaga letrik akan secara tidak langsung mengurangkan kadar pengeluaran/pelepasan gas karbon dioksida (CO₂) yang boleh memberi kesan kepada alam sekitar.

Bagi tujuan penjimatan tenaga elektrik satu prosedur telah dibangunkan dimana beberapa kaedah pengurusan tenaga secara efisien yang tidak melibatkan kos perlu dilaksanakan oleh PTJ yang terlibat. Buat masa ini kaedah pemantauan yang dilaksanakan adalah secara manual dan secara rambang dimana tindakan pembetulan hanya dapat dilakukan sebulan sekali, yang mana ianya tidak dapat memberi impak yang besar dalam penjimatan penggunaan elektrik. Oleh itu, untuk pemantauan yang lebih efektif dan pembetulan boleh dibuat segera atau secara "real time" supaya dapat memberi impak yang besar dalam penjimatan penggunaan tenaga elektrik, satu sistem pemantauan iaitu **Sistem Pengurusan Tenaga secara "real time"** perlu dipasang di setiap meter di PTJ yang terlibat.

3.0 CADANGAN PERALATAN DAN IMPLIKASI KOS

3.1 CADANGAN PERALATAN

Peralatan yang di syorkan adalah *Eniscope- Real-Time Energy Management System* atau yang setaraf. Peralatan ini telah dipasang di Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset dan di dapati ianya sangat berkesan dalam pemantauan penjimatan penggunaan tenaga elektrik dan mudah digunakan (User Friendly). Kelebihan menggunakan peralatan ini adalah:

- i. Boleh mengenalpasti peluang penjimatan yang lebih tinggi
- ii. Boleh membantu mengenalpasti alatan/pepasangan yang menggunakan tenaga berlebihan
- iii. Mudah untuk mengurangkan pembaziran tenaga
- iv. Memaparkan penggunaan tenaga secara "real-time"
- v. Boleh merekod penggunaan secara berterusan dan dari sejarah penggunaan dapat membantu untuk merancang untuk penjimatan yang berterusan.

Nota: Contoh laporan Eniscope di PPPA adalah seperti lampiran

3.2 IMPLIKASI KOS

Harga per unit : RM 20,000.00

Lesen tahunan : RM 500.00

Kos pemasangan untuk semua PTJ (70 buah**) : RM 1,400,000.00

Kos lesen setahun : RM 10,000.00

** (Beberapa PTJ mempunyai lebih dari satu meter)

4.0 SYOR

Mesyuarat diminta meneliti kertas ini dan mengambil maklum mengenai Keperluan Memperolehi Peralatan Dalam Membantu Penjimatan Elektrik dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001.

Daily Report

For


Universiti Putra Malaysia

Fri 4 Oct 2013




Energy Used **Down On Average** **Cost**
840.0 kWh **3.5%** **RM 363.35**

Energy Usage on Fri 4 Oct 2013 Against the Average Day for Last Week



This Week's Energy Against Last Week



TOTALS FOR FRI 4 OCT 2013

**840.0
kWh**

RM363.35

**3.5%
DOWN**



Usage Breakdown For Fri 4 Oct 2013

Eniscope Name	Cost	Usage	Average Day	Usage
Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset -ESS	RM 0.00	0.000 Wh	0.000 Wh	N/A
Pejabat Pembangunan/Pengurusan Aset -	RM 363.35	840.0 kWh	870.5 kWh	DOWN 3.5%

TOTALS FOR FRI 4 OCT 2013

**840.0
kWh****RM363.35****3.5%
DOWN**